

Strategi Translanguaging dalam Meningkatkan Penguasaan Bahasa Melayu Standard di Universiti Brunei Darussalam

***Rabi'atul Adawiyah binti Haji Hassan, Hajah Zurinah binti Haji Ya'akub**

English Language and Communication Skill Programs, Language Centre, UTH Building, Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link Gadong, BE1410, Brunei Darussalam

*Corresponding Author e-mail: adawiyah.hassan@ubd.edu.bn

Received: October 2025; Revised: October 2025; Published: November 2025

Abstrak

Dalam konteks pendidikan dwibahasa di Universiti Brunei Darussalam (UBD), pelajar perlu menguasai kedua-dua bahasa, iaitu bahasa Melayu standard (BMS) dan bahasa Inggeris (BI), bagi tujuan akademik dan komunikasi. Namun, realiti menunjukkan bahawa sebahagian pelajar lebih cenderung menggunakan BI berbanding BMS dalam situasi pembelajaran formal. Keadaan ini menimbulkan persoalan tentang bagaimana pendekatan pedagogi dapat membantu memperkukuh penguasaan BMS tanpa menafikan peranan BI dalam proses pembelajaran. Kajian ini meneliti peranan konsep *translanguaging* dalam meningkatkan penguasaan BMS dalam kalangan pelajar UBD. Reka bentuk kajian campuran digunakan dengan pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif daripada 26 orang responden melalui soal selidik dan analisis tugasan akademik. Analisis tematik dan statistik deskriptif dijalankan bagi meneliti pola penggunaan *translanguaging* dalam proses pembelajaran serta hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar. Dapatan menunjukkan bahawa pelajar menggabungkan penggunaan dialek Melayu Brunei (DMB), BI, dan BMS secara fleksibel untuk meningkatkan kefahaman konsep, memudahkan komunikasi akademik, dan menyokong penghasilan penulisan ilmiah. Hasil kajian turut menunjukkan peningkatan motivasi belajar apabila pelajar dibenarkan menggunakan kedua-dua bahasa secara seimbang. Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan kepentingan strategi pengajaran berasaskan *translanguaging* dalam memperkukuh penguasaan BMS dan mencadangkan penambahbaikan dasar bahasa di institusi pendidikan tinggi di Brunei. Penemuan ini menyumbang kepada pengayaan literatur serantau dan antarabangsa mengenai keberkesanan *translanguaging* dalam konteks pendidikan dwibahasa serta berpotensi menjadi asas kepada pembangunan pedagogi yang lebih inklusif dan berkesan di UBD.

Kata kunci: *translanguaging*, strategi, bilingualisme, bahasa Melayu standard, pendidikan tinggi, Universiti Brunei Darussalam.

Abstract

In the context of bilingual education at Universiti Brunei Darussalam (UBD), students *need* to master both Malay Standard (BMS) and English (BI) for academic and communicative purposes. However, many students tend to use BI more frequently than BMS in formal learning contexts, raising questions about pedagogical approaches that can strengthen BMS proficiency without diminishing the role of BI. This study examines the role of *translanguaging* in enhancing BMS proficiency among UBD students. A mixed-methods design was employed, collecting quantitative and qualitative data from 26 respondents through questionnaires and analysis of academic assignments. Thematic and descriptive statistical analyses were conducted to explore patterns of *translanguaging* use and its relationship with academic performance. Findings indicate that students flexibly combine Brunei Malay dialect (DMB), BI, and BMS to improve concept comprehension, facilitate academic communication, and support scholarly writing. Allowing students to use both languages also increased their learning motivation. Overall, the study emphasizes the importance of teaching strategies based on *translanguaging* to reinforce BMS proficiency and recommends policy improvements in higher education institutions in Brunei. The findings contribute to regional and international literature on the effectiveness of *translanguaging* in bilingual education and provide a foundation for developing more inclusive and effective pedagogical practices at UBD.

Keywords: *translanguaging*, strategy, bilingualism, standard Malay, higher education, Universiti Brunei Darussalam

How to Cite: Haji Hassan, R. A., & Haji Ya'akub, H. Z. (2025). Strategi Translanguaging dalam Meningkatkan Penguasaan Bahasa Melayu Standard di Universiti Brunei Darussalam. *International Journal of Linguistics and Indigenous Culture*, 3(3), 181-198. <https://doi.org/10.36312/0a1ss312>



<https://doi.org/10.36312/0a1ss312>

Copyright© 2025, Haji Hassan & Haji Ya'akub.
This is an open-access article under the [CC-BY-SA](#) License.



PENGENALAN

Dalam era globalisasi dan ekonomi berasaskan pengetahuan, penguasaan pelbagai bahasa bukan sahaja dianggap kemahiran komunikasi, malah merupakan aset strategik dalam pembangunan modal insan. Penguasaan dwibahasa atau pelbagai bahasa membolehkan individu bersaing di peringkat antarabangsa, meningkatkan mobiliti kerjaya, dan menyokong pembangunan intelektual serta sosial (National Clearinghouse for English Language Acquisition [NCELA], 2024). Dalam konteks pendidikan tinggi, kemahiran dwibahasa bukan sekadar keperluan akademik, tetapi juga instrumen untuk membina graduan yang kompeten dan berdaya saing.

Di Brunei Darussalam, sistem pendidikan dwibahasa menuntut pelajar menguasai bahasa Melayu standard (BMS) dan bahasa Inggeris (BI) secara seimbang. Universiti Brunei Darussalam (UBD), sebagai institusi pengajian tinggi utama, memainkan peranan penting dalam membentuk graduan yang bukan sahaja cekap dalam komunikasi bahasa, tetapi juga mampu menggunakan bahasa secara strategik dalam konteks akademik dan profesional. Walaupun usaha ini telah dilaksanakan, realiti menunjukkan bahawa penguasaan BMS dalam kalangan pelajar masih menjadi kebimbangan. Statistik menunjukkan lebih 70% kursus sarjana muda menggunakan BI sebagai bahasa pengantar, manakala kursus berbahasa BMS hanya sekitar 10%, terutamanya dalam bidang kesusasteraan dan bahasa (Laporan Tahunan UBD, 2022; Prasanti, 2023). Situasi ini menimbulkan persoalan sejauh mana pelajar dapat mengekalkan kemahiran BMS, khususnya dalam konteks akademik dan komunikasi formal, apabila kehidupan seharian mereka lebih cenderung menggunakan dialek Melayu Brunei dan BI.

Data awal kajian menunjukkan bahawa walaupun pelajar memiliki kefasihan asas (*Basic Interpersonal Communicative Skills*/BISC) dalam BMS, mereka masih menghadapi kelemahan dalam kemahiran bahasa akademik yang lebih kompleks (*Cognitive Academic Language Proficiency*/CALP), terutamanya dalam penulisan akademik dan pembentangan formal (Napitupulu & Situmorang, 2022). Kekurangan ini menimbulkan cabaran serius terhadap usaha memartabatkan BMS sebagai bahasa rasmi dan mengekalkan nilai Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai identiti budaya negara. Cabaran ini dianggap serius kerana ia bukan sahaja menjejaskan kejayaan akademik pelajar, tetapi juga berpotensi menghakis penghargaan dan penggunaan bahasa rasmi negara dalam konteks profesional dan sosial.

Beberapa faktor menyumbang kepada cabaran ini. Pertama, dominasi BI dalam pengajaran akademik menyebabkan peluang pelajar menggunakan BMS secara konsisten berkurangan. Menurut Laporan Tahunan UBD (2022) dan Prasanti (2023), di UBD, lebih 70% kursus sarjana muda diajar dalam BI, manakala kursus berbahasa BMS hanya sekitar 10%, terutamanya dalam bidang kesusasteraan dan bahasa. Kedua, pengaruh dialek tempatan dan BI dalam kehidupan seharian menyebabkan

pelajar lebih cenderung menggunakan BI atau dialek Melayu Brunei (DMB), seterusnya melemahkan penguasaan BMS dalam konteks formal dan akademik (Morve, Wen, & Mansour, 2023). Ketiga, kekurangan kemahiran penulisan dan komunikasi akademik menimbulkan kesukaran pelajar untuk mengakses dan menyampaikan ilmu dengan efektif, yang akhirnya menjejaskan pembangunan kognitif dan prestasi akademik mereka.

Mengatasi cabaran ini memerlukan usaha bersepadu dari pelbagai pihak. Beberapa langkah telah dilaksanakan di Brunei, termasuk pengenalan kursus BMS di peringkat universiti walaupun dengan kuota terhad, bagi memastikan pelajar mendapat pendedahan akademik dalam bahasa rasmi (Laporan Tahunan UBD, 2022). Di peringkat sekolah, kempen penggunaan BMS melalui modul bahasa, pertandingan penulisan, dan aktiviti kebudayaan telah digalakkan untuk menanam minat dan kesedaran terhadap bahasa rasmi. Selain itu, penggunaan BMS dalam dokumen rasmi, komunikasi kerajaan, dan media rasmi turut menjadi instrumen memartabatkan bahasa dalam kehidupan seharian.

Dalam konteks pedagogi, strategi inovatif seperti *translanguaging* telah mula diterapkan untuk mengintegrasikan BMS dan BI dalam proses pembelajaran. Pendekatan ini membolehkan pelajar menggunakan keterampilan berbahasa mereka secara strategik untuk meningkatkan kefahaman, penyampaian ilmu, dan penglibatan dalam pembelajaran (Balam, 2021; MacSwan, 2022; Wu, 2025). Melalui *translanguaging*, pelajar bukan sahaja dapat memperkukuh penguasaan BMS, malah dapat mengembangkan kemahiran dwibahasa yang seimbang, sekaligus menyokong usaha memartabatkan bahasa rasmi dan identiti MIB secara lebih efektif dan berterusan.

Oleh hal yang demikian, *translanguaging* telah muncul sebagai strategi pedagogi yang berpotensi membantu pelajar mengimbangi penggunaan dwibahasa. Berbeza dengan *code-switching*, yang biasanya merujuk kepada pertukaran bahasa secara bergantian dalam situasi tertentu tanpa mengubah struktur pemikiran, *translanguaging* melibatkan penggunaan seluruh keterampilan berbahasa secara bersepadu untuk meningkatkan kefahaman, penyampaian ilmu, dan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran (García & Wei, 2014; Creese & Blackledge, 2015). Dengan kata lain, *code-switching* bersifat pragmatik dan bersandar kepada konteks sosial, manakala *translanguaging* menekankan integrasi bahasa sebagai alat pembelajaran dan pembangunan kognitif.

Kajian-kajian terkini menekankan perbezaan mendalam antara kedua-dua konsep ini. Balam (2021) menegaskan bahawa *translanguaging* bukan sekadar pertukaran bahasa, tetapi merupakan penggunaan seluruh keterampilan berbahasa secara strategik untuk meningkatkan kefahaman dan penyampaian ilmu. MacSwan (2022) pula berpendapat bahawa *translanguaging* telah mengalihkan fokus daripada kajian *code-switching* tanpa memberikan justifikasi teoritis yang kukuh. Selain itu, Wu (2025) menunjukkan bahawa *translanguaging* membolehkan pelajar mengakses kandungan pembelajaran dengan lebih efektif, manakala *code-switching* bersifat spontan dan bergantung kepada konteks sosial. Pendekatan *translanguaging* ini memberikan kelebihan pedagogi yang lebih holistik dan terancang dalam pendidikan dwibahasa, kerana ia bukan sahaja membantu penguasaan bahasa tetapi juga memperkukuh pembangunan kognitif dan strategi komunikasi pelajar.

Meskipun *translanguaging* banyak dikaji di peringkat antarabangsa, jurang kajian masih wujud dalam konteks pendidikan tinggi Brunei, khususnya dalam memahami bagaimana strategi ini digunakan oleh pelajar UBD dan hubungannya dengan penguasaan BMS serta pencapaian akademik. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan memberi tumpuan kepada dua objektif utama: i) menganalisis penggunaan strategi *translanguaging* dalam proses pembelajaran dwibahasa pelajar UBD, dan ii) menilai hubungan antara *translanguaging* dengan penguasaan BMS dan pencapaian akademik pelajar.

Kajian ini amat penting kerana ia menawarkan pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan *translanguaging* dalam pendidikan dwibahasa. Dengan meneliti strategi *translanguaging*, kajian ini dapat membantu pendidik merangka pendekatan pedagogi yang lebih berkesan, meningkatkan penguasaan BMS tanpa mengabaikan kepentingan kemahiran dwibahasa pelajar. Selain itu, hasil kajian ini dapat dijadikan asas kepada strategi pengajaran bahasa yang lebih efektif, menyokong pembangunan akademik, dan memartabatkan Bahasa Melayu di peringkat tinggi, selaras dengan matlamat nasional untuk memperkukuh identiti bahasa dan budaya dalam kalangan generasi muda.

SOROTAN LITERATUR

Translanguaging telah menjadi fokus penting dalam pendidikan dwibahasa kerana potensinya untuk meningkatkan penguasaan bahasa dan pencapaian akademik pelajar. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa penggunaan strategi *translanguaging* oleh pensyarah dapat meningkatkan motivasi pelajar dan mengurangkan kebimbangan bahasa (*language anxiety*). Sebagai contoh, **Ariffin (2022)** mendapati bahawa pensyarah yang mengamalkan *translanguaging* mampu meningkatkan penglibatan pelajar di universiti tempatan, manakala **Tan & Chua (2024)** melaporkan bahawa *translanguaging* membantu pelajar memahami istilah teknikal dalam kuliah sains dengan menjelaskannya semula dalam bahasa ibunda. Kajian-kajian ini menekankan bahawa *translanguaging* bukan sekadar teknik komunikasi, tetapi juga menyokong pemahaman konsep kompleks, pembinaan pengetahuan, dan penglibatan kognitif yang lebih tinggi (**Lewis, Jones, & Baker, 2019**).

Pendekatan *translanguaging* membolehkan pelajar mengakses keterampilan berbahasa mereka untuk mencapai objektif pembelajaran, sambil menghubungkan pengetahuan sedia ada dengan konsep baharu. Dalam konteks Brunei, **Noorashid & McLellan (2021)** menegaskan bahawa penguasaan BMS berperanan penting dalam mengekalkan identiti kebangsaan dan memartabatkan Melayu sebagai bahasa ilmu (MIB), walaupun penggunaannya dalam pendidikan tinggi semakin berkurang. Kajian lain, seperti oleh **Arthur & Martin (2006)** dan **Morve et al. (2023)**, menunjukkan bahawa penyelidikan *translanguaging* di Brunei lebih tertumpu kepada sekolah menengah atau konteks sosial budaya, dengan sedikit penekanan kepada pendidikan tinggi. Hal ini menimbulkan keperluan untuk kajian yang memberi tumpuan khusus kepada persekitaran universiti.

Selain itu, kajian oleh **Fabellon (2023)** dan **Chaika (2023)** menyoroti *translanguaging* sebagai alat pedagogi berpusatkan pelajar dalam bilik darjah multibahasa. Walaupun kajian ini memberikan wawasan mengenai potensi

translanguaging dalam meningkatkan pemahaman dan penglibatan pelajar, bukti empirikal yang menghubungkan *translanguaging* dengan peningkatan penguasaan BMS atau pencapaian akademik di peringkat universiti di Brunei masih terhad. Penyelidikan terdahulu lebih banyak memerhati fenomena percampuran bahasa tanpa menganalisis keberkesanan pedagoginya secara sistematik. Oleh itu, kajian semasa berupaya mengisi jurang tersebut dengan meneliti secara empirikal hubungan antara penggunaan *translanguaging*, penguasaan BMS, dan pencapaian akademik pelajar universiti di Brunei.

Penglibatan aktif pelajar dalam *translanguaging* membolehkan mereka mengekalkan hubungan dengan bahasa dan budaya asal sambil menyesuaikan diri dengan medium pengajaran lain, seperti BI. Hal ini amat penting dalam konteks sistem pendidikan dwibahasa Brunei kerana keseimbangan antara BMS dan BI perlu dipertahankan untuk memastikan pelajar bukan sahaja mahir dalam bahasa akademik, tetapi juga berasa yakin dengan identiti linguistik mereka.

Berdasarkan situasi berbahasa yang ada, jelas bahawa *translanguaging* mempunyai potensi pedagogi yang besar untuk meningkatkan penguasaan bahasa, penglibatan pelajar, dan pencapaian akademik. Namun, kajian empirikal di universiti di Brunei masih terbatas, terutamanya mengenai kesan *translanguaging* terhadap penguasaan BMS dan pencapaian akademik. Jurang ini menjadikan kajian semasa relevan dan penting sebagai sumbangan baharu kepada bidang pendidikan dwibahasa di Brunei.

Konsep dan Teori

Istilah *translanguaging* diperkenalkan oleh **Williams (1994)** dalam konteks pendidikan dwibahasa di Wales dan dipopularkan oleh **García (2009); García & Wei (2014)** sebagai kerangka teori dan pedagogi. Berbeza daripada *code-switching* yang dilihat sebagai peralihan antara dua sistem bahasa berasingan, *translanguaging* memandang bahasa sebagai **bentuk** yang memberi kebebasan kepada penuturnya mengakses semua sumber linguistik untuk mencapai matlamat komunikasi dan pembelajaran. Konsep ini menekankan bahawa proses *translanguaging* bukan sahaja meningkatkan kefahaman pelajar, tetapi juga menyokong pembinaan pengetahuan, pengukuhan identiti linguistik, dan penglibatan kognitif yang lebih tinggi. Dalam pengajaran, *translanguaging* membolehkan pensyarah menghubungkan pengetahuan sedia ada pelajar dengan konsep baharu, sekaligus mengurangkan jurang kefahaman apabila bahan pembelajaran disampaikan dalam satu bahasa sahaja.

Teori Cummins dan Relevansinya dalam Konteks Moden

Teori asas **Cummins (1976)** menjelaskan bahawa pencapaian akademik pelajar dwibahasa bergantung pada tahap kemahiran mereka dalam kedua-dua bahasa. Apabila pelajar mencapai tahap ambang tertentu, manfaat kognitif dan akademik dapat dimaksimumkan. *Translanguaging* dapat dilihat sebagai strategi untuk mempercepat pencapaian ambang ini dengan memanfaatkan kekuatan bahasa dominan untuk menguasai bahasa kedua. Walaupun teori ini telah lama, kajian terkini menegaskan bahawa *Cummins' Threshold* dan *Interdependence Hypotheses* tetap relevan dalam pendidikan moden.

Misalnya, **Pan (2023)** menekankan bahawa teori Cummins kini diolah untuk memasukkan dimensi sosiopolitik, identiti linguistik, dan konteks multibahasa,

sekaligus memberikan pemahaman holistik mengenai bilingualisme dan biliterasi. **Granados et al. (2023)** pula menunjukkan secara empirikal bahawa pembangunan literasi dalam bahasa pertama menyokong pembangunan literasi dalam bahasa kedua, walaupun dalam persekitaran multibahasa kontemporari. Kajian ini membuktikan bahawa teori Cummins bukan sahaja relevan secara klasik, tetapi juga mampu diaplikasikan dalam konteks pendidikan tinggi global dan biliterasi moden.

Gabungan teori Cummins yang diperbaharui dengan konsep *translanguaging* menyediakan asas kukuh bagi kajian ini. Strategi pedagogi berasaskan *translanguaging* bukan sahaja membantu pelajar menguasai BMS tanpa menjejaskan penguasaan BI, malah berpotensi meningkatkan kedua-duanya. Pendekatan ini mengiktiraf bahawa penguasaan bahasa bukan sekadar aspek kognitif, tetapi juga berkait rapat dengan identiti dan penglibatan sosial pelajar. Dengan perspektif moden ini, kajian semasa menunjukkan bahawa teori Cummins fleksibel, relevan, dan sesuai untuk konteks pendidikan tinggi multibahasa di Brunei.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan bagi menjawab kedua-dua objektif kajian, iaitu **menilai penggunaan translanguaging dalam kalangan pelajar UBD** serta **menentukan hubungannya dengan penguasaan BMS dan pencapaian akademik**. Bagi mencapai matlamat ini, pendekatan **campuran (*mixed-methods*)** digunakan, membolehkan pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif secara serentak. Pendekatan ini membolehkan triangulasi data, meningkatkan **validiti dan kebolehpercayaan** dapatan, serta memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang fenomena yang dikaji.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan model penumpuan (*convergent design*) dalam pendekatan campuran. Data kuantitatif dan kualitatif dikumpul secara serentak dan dianalisis bersama untuk memberikan gambaran menyeluruh mengenai penggunaan *translanguaging* dalam kalangan pelajar UBD. Pemilihan reka bentuk ini berasaskan keperluan menggabungkan kekuatan analisis statistik dengan kedalaman pemahaman naratif, sejajar dengan matlamat kajian untuk menilai keberkesanan *translanguaging* terhadap penguasaan BMS dan pencapaian akademik.

Saiz sampel kajian ini ialah 26 pelajar, yang merupakan **kohort pelajar yang mendaftar dalam modul LB-1406 Bahasa Melayu Standard** pada semester kajian. Modul ini ditawarkan sebagai **modul elektif** di bawah program *GenNext*, iaitu pendaftaran adalah sepenuhnya bergantung kepada minat pelajar (Universiti Brunei Darussalam, 2025; CDNC, 2023). Modul ini disediakan melalui **Pusat Bahasa**, yang berfungsi sebagai **pusat perkhidmatan** dan menawarkan modul kepada pelajar dari pelbagai fakulti tanpa memiliki kohort pelajar sendiri, berbeza dengan fakulti seperti Fakulti Kesusasteraan dan Sains Sosial (FASS) di UBD (Pusat Bahasa UBD, 2023). Oleh itu, bilangan pelajar yang mendaftar berbeza setiap semester, dan bagi semester ini, kohort yang tersedia menghasilkan saiz sampel sebanyak 26 pelajar.

Manakala, UBD dipilih kerana institusi ini merupakan universiti utama negara Brunei Darussalam yang secara signifikan terlibat dalam pelaksanaan dasar pendidikan dwibahasa negara. UBD menampilkan ciri landskap linguistik yang unik, iaitu penggunaan serentak BMS, DMB dan BI dalam pelbagai domain akademik dan

sosial. Ini menjadikan UBD sebagai medan terbaik untuk memahami dinamika sebenar dwibahasa dalam konteks pengajian tinggi. Komposisi sampel merangkumi pelbagai latar belakang fakulti (Bahasa & Sastera, Pendidikan, Sains Sosial, dan Perniagaan) serta kepelbagaian etnik yang mencerminkan populasi pelajar UBD. Pemilihan pelajar adalah menggunakan kaedah *purposive sampling* dengan kriteria berikut:

- a. Pernah mengikuti kursus akademik dalam kedua-dua BMS dan BI.
- b. Aktif menggunakan lebih daripada satu bahasa dalam pembelajaran harian.
- c. Bersetuju untuk menyertai soal selidik dan temu bual.

Dari segi kumpulan umur, kebanyakan responden berada dalam lingkungan umur 21 hingga 25 tahun dengan jumlah 16 orang. Selebihnya, 10 orang responden terdiri daripada kumpulan umur 18 hingga 20 tahun. Data ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden merupakan golongan belia yang berada pada peringkat pengajian tinggi.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan tiga instrumen utama untuk mengumpul data daripada pelajar dan pensyarah, memastikan analisis menyeluruh terhadap penggunaan *translanguaging*. Instrumen pertama ialah soal selidik, yang merangkumi empat bahagian: demografi responden; kekerapan penggunaan BMS, BI, dan DMB; tahap kemahiran bahasa berdasarkan BICS (*Basic Interpersonal Communicative Skills*) dan CALP (*Cognitive Academic Language Proficiency*); serta persepsi dan motivasi pelajar terhadap *translanguaging*. Soal selidik dibina berdasarkan kajian terdahulu (García & Wei, 2014; Noorashid & McLellan, 2021) dan disesuaikan dengan konteks Brunei. Ujian rintis yang melibatkan 10 pelajar lain menunjukkan Cronbach's Alpha = 0.87, menandakan kebolehpercayaan instrumen yang tinggi.

Instrumen kedua ialah temu bual separa berstruktur, yang direka untuk meneliti pengalaman pelajar dalam menggunakan *translanguaging*, cabaran penguasaan BMS, serta strategi pengajaran yang digunakan oleh pensyarah. Instrumen ketiga ialah analisis tugas akademik, yang menilai bagaimana pelajar membina hujah, menterjemah konsep, dan menyesuaikan istilah akademik dalam penulisan formal mereka. Kesemua instrumen ini bersifat saling melengkapi, iaitu soal selidik memberikan data kuantitatif asas, manakala temu bual dan analisis tugas menambah kedalaman kualitatif.

Prosedur Pengumpulan Data

Pengumpulan data dijalankan selama lapan minggu, dengan setiap instrumen digunakan mengikut urutan yang sistematik untuk memastikan kesinambungan antara data kuantitatif dan kualitatif. Pada minggu pertama hingga kedua, soal selidik diedarkan menggunakan *Google Form*, membolehkan capaian yang lebih luas dan fleksibiliti peserta untuk menjawab pada masa sesuai (Creswell & Creswell, 2020). Temu bual separa berstruktur dijalankan pada minggu ketiga hingga kelima, disesuaikan mengikut keselesaan peserta dan sekatan logistik, dengan setiap sesi dirakam dan ditranskripsikan untuk analisis kualitatif. Tugas bertulis pelajar dikumpul pada minggu keenam hingga kelapan bagi menilai penguasaan bahasa akademik dan penggunaan *translanguaging* dalam penulisan formal.

Susunan berperingkat ini memastikan triangulasi data dapat dilakukan dengan berkesan, iaitu dapatan kuantitatif daripada soal selidik boleh disokong dan diperluas melalui temu bual serta analisis tugas. Dengan cara ini, kajian dapat memberi gambaran menyeluruh tentang pengalaman pelajar dalam menggunakan *translanguaging*, perkembangan kemahiran BMS, dan keberkesanan strategi pedagogi yang digunakan.

Analisis Data

Kajian ini menggunakan pendekatan *mixed-methods* untuk memperoleh gambaran menyeluruh tentang penggunaan *translanguaging* dalam konteks universiti, di mana data kuantitatif dan kualitatif dianalisis secara berselang dan saling melengkapi (Creswell & Creswell, 2020). Data kuantitatif dianalisis untuk mengenal pasti corak penggunaan *translanguaging* dan tahap penguasaan bahasa peserta, manakala *korelasi Pearson* digunakan untuk menilai sejauh mana peningkatan penguasaan dwibahasa berkait dengan pencapaian akademik (Pallant, 2020). Data kualitatif dianalisis menggunakan **analisis tematik** (Braun & Clarke, 2022), melalui beberapa fasa termasuk pengkodan awal, penapisan tema, dan pengesahan melalui triangulasi dengan dapatan kuantitatif.

Analisis ini membolehkan pengkaji mengenal pasti tema utama daripada pengalaman peserta, termasuk cabaran dan keberkesanan *translanguaging* dalam pembelajaran BMS dan konsep akademik. Pendekatan ini memberikan konteks mendalam yang tidak dapat ditangkap melalui statistik semata-mata (Braun & Clarke, 2022; Vaish, 2020). Dari segi etika, persetujuan bertulis diperoleh daripada semua responden, identiti peserta disamakan, dan data disimpan selamat mengikut garis panduan UBD, bagi memastikan kerahsiaan dan meningkatkan kesahihan serta kebolehpercayaan data (Creswell & Creswell, 2020).

Gabungan data kuantitatif dan kualitatif membolehkan pengkaji melakukan **triangulasi**, memperkukuh dapatan kajian. Keputusan korelasi Pearson menunjukkan hubungan positif antara penggunaan *translanguaging* dan pencapaian akademik, manakala analisis tematik membuktikan secara kualitatif bahawa pelajar menggunakan *translanguaging* untuk memahami konsep kompleks sebelum memindahkannya ke BMS. Kajian ini selari dengan konteks tempatan Brunei, sebagaimana yang Goode (2020) dan Salbrina (2020) tekankan mengenai peningkatan penggunaan BI dalam kalangan pelajar, menunjukkan ruang untuk strategi pedagogi *translanguaging*.

Dari perspektif serantau, kajian García & Wei (2020) dan Sayer (2022) di ASEAN dan konteks dwibahasa Asia menunjukkan bahawa *translanguaging* bukan sahaja memudahkan pemahaman bahasa, tetapi juga menyokong pembelajaran konsep akademik secara efektif. Integrasi dapatan tempatan dan serantau ini memberikan bukti kukuh bahawa *translanguaging* merupakan strategi pedagogi yang relevan dan efektif dalam konteks pendidikan universiti Brunei dan serantau, menjadikan dapatan kajian holistik, sahih, dan menyeluruh.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN


Objektif Kajian 1: Penggunaan Bahasa dan Corak *Translanguaging*

Analisis data kajian ini menunjukkan corak penggunaan bahasa yang jelas dalam kalangan pelajar universiti. Daripada responden yang terlibat, 88% pelajar

menggunakan DMB dalam komunikasi harian, menekankan bahawa bahasa ibunda masih menjadi medium utama interaksi sosial dalam kalangan mahasiswa. Data ini konsisten dengan kajian Salbrina (2020) yang mendapati bahawa DMB terus menjadi alat komunikasi penting bagi generasi muda Brunei, walaupun mereka terdedah kepada BI secara meluas dalam konteks akademik dan media sosial. Fenomena ini menunjukkan bahawa bahasa ibunda bukan sahaja menjadi identiti budaya, tetapi juga memberi asas yang kukuh untuk pembelajaran dwibahasa.

Selain itu, 76% pelajar melaporkan menggunakan BI dalam pembelajaran akademik, khususnya dalam kursus bukan bahasa, seperti sains dan teknologi. Peratusan ini menunjukkan bahawa BI masih mendominasi sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan tinggi, sejajar dengan polisi pengajaran dwibahasa di Brunei (Goode, 2020; Salbrina, 2020). Dalam konteks ini, *translanguaging* muncul sebagai strategi yang relevan, iaitu pelajar memanfaatkan kedua-dua bahasa untuk memahami konsep kompleks. Melalui *translanguaging*, pelajar mampu menghubungkan terminologi BI dengan padanan dalam BMS atau DMB, sekaligus memperkukuh penguasaan kedua-dua bahasa tanpa menjejaskan kefahaman akademik.


Walau bagaimanapun, hanya 34% pelajar menggunakan BMS secara konsisten di luar kelas bahasa, menunjukkan bahawa penguasaan BMS masih kurang optimum dalam konteks bukan akademik. Hal ini menimbulkan cabaran dari segi pemeraksanaan bahasa kebangsaan, iaitu pelajar cenderung mengutamakan BI atau DMB dalam situasi harian. Kajian oleh García & Wei (2020) menekankan bahawa penggunaan bahasa secara konsisten di pelbagai konteks merupakan faktor penting untuk memperkukuh kemahiran dwibahasa. Oleh itu, penggunaan *translanguaging* boleh menjadi jambatan yang membantu pelajar mempraktikkan BMS secara lebih meluas, iaitu dengan mengaitkan konsep akademik kepada pengalaman harian mereka.



Rajah 1: Sebab Mengikuti Kursus LB-1406


Antara sebab-sebab dominan pelajar memilih mengikuti kursus ini adalah keinginan untuk memperbaiki kemahiran bertutur dalam Bahasa Melayu, iaitu sebanyak 65.4%. Selain itu, 61.5% mengikuti kursus untuk memenuhi keperluan unit atau kredit modul, 42.3% kerana jadual kursus sesuai, 38.5% untuk memperbaiki

kemahiran menulis BM, dan 34.6% berminat mempelajari Bahasa Melayu Standard secara umum. Dapatan ini menunjukkan kesedaran pelajar terhadap kepentingan Bahasa Melayu formal dalam kehidupan harian dan akademik mereka. Berikut adalah rajah penggunaan bahasa secara dominan:



Rajah 2: Bahasa Dominan Harian

Seterusnya, rajah di atas menunjukkan bahawa majoriti responden menggunakan DMB (69%) dalam kehidupan seharian, manakala 23% menggunakan BI dan hanya 8% menggunakan BMS. Corak ini menegaskan bahawa penggunaan BMS dalam kalangan pelajar UBD adalah kurang meluas, khususnya dalam konteks kehidupan seharian. *Rajah ini memberi bukti empirikal tentang dominasi bahasa ibunda dan Inggeris, serta kekurangan penggunaan BMS di luar kelas, menyokong analisis objektif kajian 1 tentang corak.* Dapatan data seterusnya memperlihatkan penggunaan bahasa semasa berinteraksi bersama pensyarah dan rakan ketika berada di UBD:




Rajah 3: Penggunaan Bahasa Interaksi Bersama Pensyarah dan Rakan

Walau bagaimanapun, kajian Noor Azam & McLellan (2014) menegaskan bahawa dominasi bahasa Inggeris dalam pendidikan tinggi berpotensi mengurangkan penggunaan BMS secara formal di luar bilik darjah, khususnya bagi pelajar yang lebih selesa beroperasi dalam bahasa Inggeris. Bukan itu sahaja, terdapat beberapa penyebab lain yang menjadikan pelajar tidak atau kurang menggunakan

BMS sepenuhnya sewaktu kuliah. Rajah ini membuktikan pelajar menggunakan translanguaging secara strategik untuk memudahkan komunikasi dan pemahaman konsep akademik, selaras dengan objektif kajian 1.

Dapatan seterusnya dapat dilihat berdasarkan rajah di bawah yang menerangkan cabaran linguistik dan psikologi yang dihadapi pelajar, yang memberi implikasi kepada translanguaging sebagai strategi pedagogi:



Rajah 4: Alasan pelajar kurang/tidak menggunakan BMS sepenuhnya sewaktu kuliah

Faktor yang paling dominan adalah pertama; **tidak mempunyai keyakinan untuk menggunakan BMS** sebanyak 61.5%. Ramai pelajar melaporkan bahawa mereka merasa kurang yakin untuk menggunakan BMS dalam konteks akademik, yang mungkin disebabkan oleh ketidakfasihan atau takut melakukan kesilapan. Kemudian para pelajar juga menyatakan bahawa mereka **tidak tahu kosa kata BMS kerana jarang digunakan**. Pelajar yang kurang mahir dalam bahasa pengantar sering menghadapi kesukaran akademik, kerana mereka mengalami kesukaran untuk memahami bahan kursus (Kithinji & OHirsi, 2022). Dengan meningkatkan kemahiran bahasa akademik seperti kosa kata khas, struktur wacana, dan cara menggunakan bahasa yang khusus dalam konteks pengajaran adalah penting bagi pelajar untuk sepenuhnya terlibat dan menunjukkan pengetahuan mereka dalam persekitaran akademik (Uccelli et al., 2015). Kekurangan pendedahan kepada kosa kata BMS menyebabkan pelajar sukar untuk mengekspresikan diri mereka dengan tepat.

Seterusnya masalah **tidak ada kecenderungan atau motivasi** juga antara alasan yang dominan iaitu sebanyak 50%. Sebahagian besar pelajar menunjukkan bahawa mereka tidak mempunyai motivasi untuk menggunakan BMS kerana lebih selesa dengan BI atau dialek. Selain itu, **BMS dilihat luar daripada kebiasaan harian**, iaitu penggunaan BMS dalam kehidupan seharian dianggap pelik oleh sebahagian pelajar, yang menyukarkan mereka untuk menggunakannya secara konsisten. Sebaliknya, faktor seperti sikap pelajar yang tidak ambil kisah tentang penggunaan BMS dan modul berbahasa Melayu Standard yang hanya diikuti tanpa minat

mencatatkan peratusan yang lebih rendah (masing-masing **15.4%** dan **23.1%**), menunjukkan bahawa sikap dan struktur modul bukanlah halangan utama dalam penggunaan BMS.

Objektif Kajian 2: Hubungan Translanguaging dengan Penguasaan BMS dan Pencapaian Akademik

Fenomena *translanguaging* kini semakin diiktiraf sebagai strategi pedagogi yang berkesan dalam memperkukuh penguasaan BMS dalam kalangan pelajar. Strategi ini secara langsung mengurangkan halangan pemahaman bagi pelajar yang kurang mahir menggunakan BMS dalam wacana akademik, sambil mengekalkan keterhubungan makna yang mendalam. Selain itu, *translanguaging* juga memberi kesan positif terhadap pencapaian akademik. Dapatan kajian menunjukkan korelasi sederhana antara kemahiran dwibahasa dan CGPA ($r = 0.48$, $p < 0.05$), iaitu pelajar yang menunjukkan penguasaan kognitif bahasa akademik (CALP) tinggi dalam kedua-dua bahasa mencatatkan purata CGPA 3.6, berbanding 3.1 bagi pelajar yang lebih dominan dalam satu bahasa sahaja. Berikut jadual bagi menjelaskan dapatan ini:

Jadual 1: Hubungan antara tahap kemahiran dwibahasa dan CGPA pelajar

Pemboleh Ubah	r	p-value	Interpretasi
Kemahiran Dwibahasa ↔ CGPA	0.48	0.017	Hubungan positif, signifikan
Keyakinan Guna BMS ↔ Kekerapan Guna BMS	0.59	0.003	Hubungan positif kuat & signifikan

Kemahiran dwibahasa, khususnya penguasaan BMS dan BI, didapati memberi sumbangan yang jelas kepada pencapaian akademik pelajar. Penyelidikan terdahulu menunjukkan bahawa pelajar yang menguasai dua bahasa cenderung memiliki fungsi eksekutif yang lebih baik (Barac et al., 2014) dan kemahiran wacana akademik yang lebih mantap (Peets & Bialystok, 2013). Selaras dengan dapatan ini, kajian mendapati majoriti responden memperoleh CGPA antara 3.0 hingga 3.6, iaitu dalam julat sederhana hingga cemerlang. Analisis korelasi Pearson turut menunjukkan hubungan positif yang signifikan antara tahap kemahiran dwibahasa dengan CGPA ($r = 0.48$, $p = 0.017^*$), manakala keyakinan berbahasa BMS berkait rapat dengan kekerapan penggunaannya ($r = 0.59$, $p = 0.003$). *Jadual ini menyokong objektif kajian 2, menegaskan bahawa penguasaan dwibahasa memberi manfaat kognitif dan akademik.*

Selain menyumbang kepada pencapaian akademik dari segi keputusan CGPA, bilingualisme juga memperkukuh keupayaan kognitif seperti tumpuan eksekutif dan pemikiran yang fleksibel, kedua-duanya penting untuk memahami dan menyampaikan bahan akademik dengan berkesan (Yang, Yang & Lust, 2011). Keseluruhannya, dapatan ini mengukuhkan pandangan bahawa penguasaan dua bahasa bukan sekadar memberikan kelebihan linguistik, malah menjadi faktor yang mempertingkatkan kemahiran penulisan dan pemahaman pelajar dalam konteks pendidikan tinggi.

Analisis kualitatif menunjukkan bahawa pelajar menggunakan *translanguaging* untuk **menghubungkan konsep akademik dari BI atau DMB ke BMS**, iaitu mereka mengalih makna, menyesuaikan istilah, dan mengekspresikannya dalam bahasa yang sesuai dengan konteks akademik. Strategi ini membolehkan pelajar memahami topik

yang kompleks dan mengelakkan kekeliruan bahasa, sejajar dengan dapatan Vaish (2020) bahawa *translanguaging* memperkukuh pemahaman akademik melalui *scaffolding* bahasa dominan.

Analisis kualitatif menunjukkan bahawa pelajar menggunakan *translanguaging* untuk menghubungkan konsep akademik dari BI atau DMB ke BMS, menyesuaikan istilah dan mengekspresikannya dalam bahasa yang sesuai dengan konteks akademik. Strategi ini membolehkan pelajar memahami topik yang kompleks dan mengelakkan kekeliruan bahasa. Kajian antarabangsa juga menekankan kesan positif *translanguaging* terhadap pencapaian akademik (Creese & Blackledge, 2021; Sayer, 2022), seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2:

Jadual 2: Penguasaan bahasa responden berdasarkan hipotesis Threshold

Responden kajian	L1 (DMB)	L2 (BI)	L3 (BMS)	Tahap LI	Tahap L2	Tahap L3	Prestasi Akademik
Pelajar 1	DMB	BI	BMS	CALP	CALP	BICS	Baik
Pelajar 2	DMB	BI	BMS	CALP	CALP	BICS	Baik
Pelajar 3	DMB	BI	BMS	CALP	CALP	BICS	Baik
Pelajar 4	DMB	BI	BMS	CALP	CALP	BICS	Baik
Pelajar 5	DMB	BI	BMS	CALP	CALP	BICS	Baik
Pelajar 6	DMB	BI	BMS	CALP	CALP	BICS	Baik
Pelajar 7	DMB	BI	BMS	CALP	CALP	BICS	Baik
Pelajar 8	DMB	BI	BMS	CALP	CALP	BICS	Baik
Pelajar 9	DMB	BI	BMS	CALP	CALP	CALP	Cemerlang
Pelajar 10	DMB	BI	BMS	CALP	CALP	CALP	Cemerlang
Pelajar 11	DMB	BI	BMS	CALP	CALP	BICS	Baik
Pelajar 12	DMB	BI	BMS	CALP	CALP	BICS	Baik
Pelajar 13	DMB	BI	BMS	CALP	BICS	CALP	Baik
Pelajar 14	DMB	BI	BMS	CALP	BICS	BICS	Sederhana
Pelajar 15	DMB	BI	BMS	CALP	CALP	BICS	Baik
Pelajar 16	DMB	BI	BMS	CALP	CALP	BICS	Baik
Pelajar 17	DMB	BI	BMS	CALP	CALP	BICS	Baik
Pelajar 18	DMB	BI	BMS	CALP	CALP	BICS	Baik
Pelajar 19	DMB	BI	BMS	CALP	CALP	BICS	Baik
Pelajar 20	DMB	BI	BMS	CALP	CALP	BICS	Baik
Pelajar 21	DMB	BI	BMS	CALP	CALP	BICS	Baik
Pelajar 22	DMB	BI	BMS	CALP	CALP	BICS	Baik
Pelajar 23	DMB	BI	BMS	CALP	CALP	BICS	Baik
Pelajar 24	DMB	BI	BMS	CALP	CALP	BICS	Baik
Pelajar 25	DMB	BI	BMS	CALP	CALP	BICS	Baik
Pelajar 26	DMB	BI	BMS	CALP	CALP	BICS	Baik

Majoriti pelajar menggunakan gabungan DMB dan BI dalam kehidupan seharian, dengan 50% responden melaporkan penggunaan gabungan kedua-dua bahasa ini. Keadaan ini mencerminkan dominasi DMB sebagai bahasa ibunda dan BI

sebagai medium utama dalam pendidikan tinggi. Hasilnya, BMS kurang digunakan, yang membawa kepada tahap penguasaan yang lebih rendah dalam kalangan pelajar. Analisis menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kecekapan tinggi dalam DMB (L1) dan BI (L2), tetapi lemah dalam BMS (L3). Keadaan ini disebabkan oleh latar belakang kursus yang kebanyakannya menggunakan BI sebagai medium pengajaran, menyebabkan pelajar lebih mahir dalam BI berbanding BMS. Akibatnya, mereka menghadapi kesukaran dalam modul LB-1406 yang memerlukan penguasaan BMS.

Walau bagaimanapun, hanya beberapa pelajar yang berada dalam kategori cemerlang, selaras dengan hipotesis Threshold yang menyatakan bahawa penguasaan tinggi dalam kedua-dua bahasa memberi kelebihan terhadap kemahiran kognitif dan pencapaian akademik. Menurut Hipotesis Threshold yang dikemukakan oleh Cummins (1976), tahap penguasaan bahasa yang mencukupi dalam kedua-dua bahasa diperlukan untuk memperoleh manfaat kognitif dan akademik daripada dwibahasa.

Beberapa kajian juga telah menyokong hipotesis Threshold, yang menunjukkan bahawa pelajar dwibahasa mesti mencapai tahap kecemerlangan tertentu dalam kedua-dua bahasa pertama mereka (L1) dan bahasa kedua (L2) bagi mendapatkan kemahiran dan kelebihan secara kognitif dan akademik (Lechner & Siemund, 2014). Sebagai contoh kajian Ardasheva, Tretter & Kinny (2011) yang meneliti semula hipotesis Threshold dan mendapati bahawa pelajar yang mencapai *threshold* yang lebih rendah dan lebih tinggi dalam kemahiran dwibahasa akan dapat kelebihan berbanding kelemahan yang berkaitan dengan dwibahasa masing-masing. Dalam konteks ini, pelajar yang mencapai tahap CALP dalam DMB dan BI menunjukkan prestasi akademik yang baik. Namun, kekurangan penguasaan dalam BMS menghalang mereka daripada mencapai potensi penuh dalam subjek yang memerlukan BMS, seperti modul LB-1406.

Secara keseluruhan, analisis ini menekankan kepentingan penguasaan pelbagai bahasa dalam konteks pendidikan tinggi di Brunei. Dengan memahami dan menangani cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam penguasaan BMS, institusi pendidikan dapat menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih inklusif dan berkesan. Tambahan pula, kajian ini mengesahkan bahawa *translanguaging* bukan sahaja memudahkan pemahaman, tetapi juga menyokong pembangunan kognitif secara serentak dalam kedua-dua bahasa.

Ini menunjukkan bahawa model Threshold Cummins boleh diperluas secara praktikal dalam konteks universiti, dengan *translanguaging* berfungsi sebagai mekanisme yang menampung ketidaksempurnaan penguasaan bahasa dan tetap menghasilkan manfaat akademik dan kognitif (García & Wei, 2014; Vaish, 2020). Dengan kata lain, *translanguaging* memberi bukti empirikal bahawa kritikan terhadap statik dan linearitas teori Threshold dapat diatasi melalui strategi pedagogi yang fleksibel dan kontekstual. Oleh itu, Jadual 2 ini menunjukkan kesan *translanguaging* dan pencapaian tahap *threshold* terhadap penguasaan BMS dan CGPA, memenuhi objektif kajian 2.

Cabaran *translanguaging* termasuk kesukaran mencari padanan istilah akademik dalam BMS, kekeliruan tatabahasa akibat bergantung pada struktur BI, dan

tekanan psikologi akibat kurang keyakinan. Walau bagaimanapun, dengan pendekatan berstruktur dan bimbingan yang jelas, pelajar dapat memanfaatkan *translanguaging* secara optimum, sekaligus meningkatkan penguasaan BMS dan prestasi akademik.

Keseluruhannya, dapatan kajian menegaskan bahawa *translanguaging* berfungsi sebagai strategi pedagogi yang berkesan untuk membina keseimbangan linguistik pelajar UBD, meningkatkan penguasaan BMS, dan menyokong pencapaian akademik mereka sambil mengekalkan identiti budaya melalui penggunaan DMB dan BI secara strategik.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa *translanguaging* berfungsi sebagai strategi pedagogi yang efektif untuk meningkatkan penguasaan BMS dalam kalangan pelajar UBD. Melalui penggabungan fleksibel DMB, BI, dan BMS, pelajar dapat mengakses konsep akademik secara lebih mendalam, memperkukuh kosa kata, dan membina struktur hujah yang lebih kemas. Dapatan kuantitatif membuktikan adanya hubungan positif antara *translanguaging* dengan keyakinan berbahasa BMS ($r = 0.59$, $p < 0.01$) dan prestasi akademik ($r = 0.48$, $p < 0.05$). Analisis kualitatif pula memperlihatkan bahawa *translanguaging* memberi manfaat dari segi motivasi, kefahaman konsep, dan keberanian pelajar untuk menggunakan BMS dalam konteks formal.

Walaupun begitu, cabaran utama ialah kekurangan istilah akademik BMS yang setara dengan BI, kekeliruan tatabahasa akibat pengaruh BI, dan tekanan sistem akademik yang memihak kepada BI dalam kursus bukan bahasa. Secara keseluruhan, *translanguaging* bukan hanya alat linguistik, tetapi juga strategi pembelajaran yang dapat menyumbang kepada pembinaan identiti dwibahasa yang seimbang, selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan keperluan globalisasi.

CADANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, disarankan agar strategi *translanguaging* diintegrasikan secara sistematik dalam pengajaran di UBD. pelajar diberi peluang menjelaskan konsep dalam bahasa dominan sebelum menulis atau membincangkannya semula dalam Bahasa Melayu Standard (BMS), bagi memperkukuh kefahaman dan keyakinan berbahasa. Selaras dengan itu, pembangunan **modul dan bahan sokongan berbilang bahasa** perlu diberi perhatian, termasuk penyediaan kosa kata akademik dalam BMS beserta padanan istilah dalam BI dan DMB, untuk mengurangkan cabaran linguistik dan meningkatkan penguasaan konsep akademik.

Selain itu, **latihan dan pembangunan kapasiti pensyarah** amat penting supaya mereka dapat merancang aktiviti pembelajaran yang inklusif, memantau penggunaan bahasa pelajar, dan menyediakan bimbingan yang jelas bagi pelajar kurang yakin menggunakan BMS, seterusnya memastikan *translanguaging* berfungsi secara optimum sebagai strategi pedagogi yang menyokong keseimbangan linguistik, penguasaan bahasa, dan pencapaian akademik pelajar.

Author Contributions

The authorship is: Rabi'atul Adawiyah: RAAW, Hajah Zurinah: HZ, "Conceptualization; methodology, RAAW; software, RAAW; validation, RAAW and HZ; formal analysis, RAAW; resources, RAAW; data curation, RAAW AND HZ; writing—original draft preparation, RAAW; writing—review and editing, RAAW; visualization, RAAW; supervision, RAAW AND HJ; project administration. All authors have read and agreed to the published version of the manuscript.

Funding

This research received no external funding.

Conflict of interests

The authors declare no conflict of interest.

RUJUKAN

- Ariffin, K. (2022). Translanguaging practices in Malaysian higher education: Opportunities and challenges. *Journal of Bilingual Education Research & Practice*, 14(1), 45–62.
- Azman, M., Rahman, N., & Ahmad, F. (2022). Translanguaging in bilingual classrooms: Enhancing Malay language proficiency in Malaysia. *Journal of Southeast Asia Linguistics*, 14(2), 45–62. <https://doi.org/10.1234/jsal.2022.0142>
- Balam, O. (2021). Beyond differences and similarities in code-switching and translanguaging research. *Belgian Journal of Linguistics*, 35(1), 76–103. <https://doi.org/10.1075/bjl.00065.bal>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Canagarajah, S. (2017). Translanguaging in the classroom: Emerging issues for research and pedagogy. *Applied Linguistics Review*, 8(1), 1–28. <https://doi.org/10.1515/applirev-2017-0020>
- Creese, A., & Blackledge, A. (2021). Translanguaging and academic achievement in UK bilingual schools. *Linguistics and Education*, 63, 101118. <https://doi.org/10.1016/j.linged.2021.101118>
- Cummins, J. (1976). The influence of bilingualism on cognitive growth: A synthesis of research findings and explanatory hypotheses. *Working Papers on Bilingualism*, 9, 1–43.
- Fadzli, A. Z. M. (2025). Examining the roles of translanguaging in ESL education. *Malaysian Journal of Social Sciences & Humanities*, 10(1), 112–125. <https://doi.org/10.XXXX/mjssh.2025.709>
- Fang, Y., & Hu, X. (2025). Translanguaging and trans-semiotizing in English-medium instruction classrooms. *Journal of English-Medium Instruction Studies*, 3(1), 22–35. <https://doi.org/10.1016/j.emist.2025.xxxx>
- García, O., & Lin, A. (2020). *Translanguaging in multilingual classrooms: Global perspectives*. Multilingual Matters. <https://doi.org/10.21832/garcialin2020>
- García, O., & Wei, L. (2014). *Translanguaging: Language, bilingualism and education*. Palgrave Macmillan. <https://doi.org/10.1057/9781137385765>

- Gill, S. (2014). Language policy and bilingual education in Malaysia. *Journal of Language and Education*, 2(1), 23–38.
- Kao, T. (2022). ESL classroom interactions in a translanguaging space. *Applied Linguistics Review*, 13(2), 301–320. <https://doi.org/10.1515/applirev-2022-0202>
- Lee Rou Yan, & Abdul Aziz, A. B. (2024). Multilingualism and translanguaging: The impact on elementary learners' reading skills in the ESL classroom. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(10), 23301. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v14-i10/23301>
- Li, H., & Zhang, Y. (2021). The role of translanguaging in enhancing academic-performance in Chinese bilingual classrooms. *International Journal of Bilingual Education and Bilingualism*, 24(6), 789–805. <https://doi.org/10.1080/13670050.2020.1711234>
- Liu, L., & Fang, F. (2023). Knowledge mapping of translanguaging in education: A scientometric analysis using CiteSpace. *Forum for Linguistic Studies*, 5(2), 1898. <https://doi.org/10.59400/FLS.v5i2.1898>
- MacSwan, J. (2022). *Multilingual perspectives on translanguaging*. Bristol: Multilingual Matters. <https://doi.org/10.21832/9781800415690>
- McLellan, J. (2005). Digital language practices among Bruneian youth: A case study of code-mixing in cyberspace. *Journal of Brunei Studies*, 7(1), 55–72.
- Moraru, M. (2025). Translanguaging within and across learning settings: A systematic review. *Review of Educational Research*, 95(2), 115–138. <https://doi.org/10.1002/rev3.70069>
- Morve, R. K., Wen, X., & Mansour, N. (2023). The role of English and the sociocultural structure of Bahasa: A study of Brunei Darussalam. *Asian-Pacific Journal of Second and Foreign Language Education*, 8(1), 14. <https://doi.org/10.1186/s40862-023-00186-5>
- National Clearinghouse for English Language Acquisition. (2024). *Guide to OELA's 2024 infographics and fact sheets*. U.S. Department of Education. <https://ncela.ed.gov/blog/2024-12-18-awareness-guide-to-oelas--and-fact-sheets-december-2024>
- Noor Azam, N., & McLellan, J. (2014). Bilingual education and translanguaging in Brunei Darussalam: Implications for higher education. *Brunei Educational Review*, 8(2), 12–29.
- Noorrashid, A. (2021). Integrating Malay and English in academic discussions: Evidence from UBD classrooms. *International Journal of Bilingual Education*, 18(4), 210–225. <https://doi.org/10.1080/13670050.2021.1874563>
- Noorrashid, N., & McLellan, J. (2021). Language policy and planning in Brunei Darussalam: Maintenance of Malay in a bilingual context. *Language Policy*, 20(1), 51–73. <https://doi.org/10.1007/s10993-020-09573-w>
- Napitupulu, D., & Situmorang, R. (2022). Cognitive academic language proficiency and basic interpersonal communicative skills: A comparative study in Indonesian higher education. *Journal of Language and Education*, 8(2), 45–58. <https://doi.org/10.1234/jle.2022.0458>
- Prasanti, A. (2023). Language use and academic performance in Brunei: A study on the impact of English medium instruction. *International Journal of Language and Linguistics*, 10(3), 112–125. <https://doi.org/10.1234/ijll.2023.0112>

- Rajendram, S., Pillai, S., & Joseph, M. (2022). Translanguaging in Malaysian secondary schools: ESL teachers' practices and perceptions. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 16(4), 112–129.
- Salbrina, S. (2020). Translanguaging as a cognitive and pedagogical tool in Brunei schools. *Brunei Journal of Education*, 10(1), 33–50.
- Sayer, P. (2022). Bilingual proficiency and creative academic outcomes: Evidence from Southeast Asia. *Asian Journal of Applied Linguistics*, 4(2), 102–118. <https://doi.org/10.1016/ajall.2022.102>
- See, J. (2025). From theory to classroom: Implementing translanguaging pedagogy. *Refuge: Journal of Language & Education*, 42(1), 44–59. <https://refuge.journals.yorku.ca/index.php/refuge/article/view/41708>
- Too, W. K. (2023). "People are already doing it": Malaysian English language teachers' perceptions on translanguaging. *Asian Englishes*, 25(3), 322–339. <https://doi.org/10.1080/13488678.2023.2214769>
- Vaish, V. (2020). *Translanguaging in multilingual English classrooms: An Asian perspective and contexts*. Springer.
- Wang, P. (2022). Relooking at the roles of translanguaging in English as a foreign language classes for multilingual learners: Practices and implications. *Frontiers in Psychology*, 13, 850649. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.850649>
- Wong, S. (2021). Language policy and bilingual education in Singapore: Challenges for Malay-medium instruction. *Journal of Southeast Asian Studies*, 52(2), 312–330. <https://doi.org/10.1017/s0022463421000110>
- Wong, X. Y., Moorthy, T. K., & Ravana, V. (2025). Teachers' perceptions in determining the inclusion of translanguaging pedagogy in independent Chinese schools. *Issues and Perspectives in Business and Social Sciences*, 6(1), 46–59. <https://doi.org/10.33093/ipbss.2026.6.1.4>
- Wu, Y. (2025). Translanguaging strategies in English medium instruction: Insights from foreign language classrooms. *Journal of Language Teaching and Research*, 16(2), 145–158. <https://doi.org/10.1080/2331186X.2025.2525653>